Masalah Sosial dan Impak Psikologi

Pengenalan

Fenomena gejala sosial dan impak psikologi dalam kalangan masyarakat semakin meningkat dengan mendadak sejak akhir-akhir ini. Fenomena ini mengakibatkan pelbagai pembentukan masalah sosial kepada individu, keluarga dan negara. Walaubagaimanapun, terdapat jurang yang amat besar dalam pelaksanaan meningkatkan kualiti pembangunan sosial dan kesejahteraan psikologi individu, keluarga dan komuniti. Pendekatan yang holistik bagi mengkaji gejala sosial berfokus kumpulan sasar atau bermasalah amat perlu dalam mentransformasikan fenomena bagi mencapai Wawasan 2020 berkualiti. Jesteru itu, pada 28 - 30 Oktober 2011 di Avillion Cove Resort, Port Dickson, Seremban; Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia (PPPPM) Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM Bangi telah menganjurkan Bengkel Penerbitan kali ke 3 pada tahun berkenaan. Tema bengkel tersebut ialah "Masalah Sosial dan impak Psikologi". Semua artikel yang diterbitkan adalah berdasarkan kepada tema tersebut.

Daripada sejumlah 16 artikel hasil penyelidikan telah dibengkelkan, hanya 14 artikel yang telah dipilih berdasarkan pewasitan dan pemurniaan oleh AJK Editor. Artikel ini dibahagikan kepada dua sub-tema seperti berikut: masalah sosial, pembangunan akademik dan sahsiah pelajar serta sosio-politikal dan keusahawanan. Berdasarkan kriteria penilaian yang dibuat oleh AJK Editor yang diketuai Dr. Khadijah Alavi, ahli bersetuju untuk menerbitkan artikel-artikel tersebut dalam Jurnal e-Bangi. Hasil perbincangan mendapati sebanyak 14 artikel telah memenuhi kriteria yang berdasarkan tema yang telah ditetapkan bagi penerbitan keluaran khas Jurnal e-Bangi 2012. Satu borang penilaian artikel bagi tujuan menilai kualiti hasil penulisan untuk penerbitan telah dibentuk. Borang ini telah digunakan oleh AJK Editor bagi menilai dan memberi komen terhadap artikel yang telah proses pewasitan. Borang mengandungi butiran seperti nama penulis, tarikh penerimaan, tarikh ulasan, komen editor berdasarkan format penulisan serta permarkahan dari aspek keaslian, sumbangan ilmu, kualiti dan ketepatan analisis.

Tema pertama yang dibincangkan ialah masalah sosial yang berkaitan dengan remaja oleh Suzana Mohd Hoesni et al. mengenai meneroka konsep cinta dalam perkahwinan di kalangan Melayu bandar yang akan berkahwin. Perkahwinan merupakan satu perkara yang lumrah dalam pemilihan pasangan dalam kalangan remaja pada zaman ini. Artikel ini telah meneroka persepsi masyarakat melayu mengenai konsep cinta dalam perkahwinan. Dapatan kajian boleh membantu kaunselor perkahwinan untuk memahami lebih mendalam masalah yang berkaitan dengan institusi perkahwinan dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia. Artikel seterusnya oleh Noremy et al. yang bertajuk hubungan faktor dalaman penderaan fizikal terhadap kanak-kanak oleh ibubapa. Kemerosotan kualiti institusi perkahwinan merupakan satu isu yang meruncing yang boleh mengundang pelbagai gejala sosial. Artikel ini membincangkan ciri demografi dan latar belakang pendera serta mengenalpasti punca penderaan kanak-kanak dalam kalangan masyarakat Melayu. Dapatan kajian ini boleh digunakan oleh pekerja sosial dan kaunselor bagi menyediakan intervensi dan rawatan kes penderaan fizikal kanak-kanak.Nashrudin Subhi et al. pula membincangkan bertajuk hubungan seksual remaja: antara cinta dan nafsu. Masalah seksual dalam kalangan remaja juga amat membimbangkan di mana

mereka terlibat dengan salah laku seksual seawal usia 11 tahun. Artikel ini mengupas kecenderungan remaja perempuan dalam melakukan hubungan seks atas dasar cinta atau nafsu.

Dapatan kajian menunjukkan remaja perempuan cenderung melakukan hubungan seksual untuk mendapatkan cinta dan kasih sayang daripada pasangan. Namun, perasaan cinta tersebut mampu berubah menjadi keinginan seksual atau nafsu apabila remaja mula aktif melakukan hubungan seksual bersama pasangan. Beberapa cadangan telah dikemukakan bagi mencegah salah laku seks dalam kalangan remaja.

Atikel Salina et al. membahaskan bertajuk kajian kes inses bapa-anak perempuan: memahami pengalaman dari perspektif mangsa. Temubual mendalam ke atas remaja perempuan yang menjadi mangsa inses antara bapa dan anak perempuan. Artikel ini memperincikan isu inses yang berlaku kepada mangsa dalam tempoh yang agak lama. Apakah strategi daya tindak dan kesejahteraan psikologi mangsa dalam menangani isu ini. Dapatan kajian menunjukkan responden dilaporkan melalui perasaan keliru, rasa bersalah, takut, menyalahkan diri sendiri dan rasa terperangkap dengan apa yang dialami. Aspek daya tindak, responden banyak bergantung kepada sumber dalaman sebagai strategi daya tindak seperti *suppression*, *minimization* dan kerohanian dalam menangani tekanan psikologi yang dialami. Khadijah Alavi et al. membincangkan tajuk yang berkaitan hamil luar nikah dalam kalangan remaja. Remaja yang bertingkahlaku negatif menunjukkan terdapat jurang perhubungan dengan keluarga. Ibu bapa kurang memberikan didikan rohani dan sosial yang sempurna kepada remaja sehingga mereka terjebak dengan pelbagai masalah sosial yang tidak terkawal. Artikel ini meneroka tingkahlaku ibu bapa dan pengalaman remaja yang hamil luar nikah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa remaja yang hamil luar nikah tidak mempunyai perapatan dengan ibu bapa mereka dan mendorong remaja terlibat dalam aktiviti seksual yang tidak sihat. Persekitaran tempat tinggal, pengaruh rakan sebaya dan pendedahan mengenai aktiviti seksual secara berleluasa dalam jaringan web (internet) juga mempengaruhi remaja sehingga terjebak dalam hamil luar nikah. Pemantauan ibu bapa dan pihak sekolah secara berterusan boleh membantu remaja dalam mengurangkan kes remaja yang hamil luar nikah. Norul Huda Sarnon et al. yang menghuraikan tajuk hamil luar nikah: memahami remaja sebagai asas intervensi keluarga. Penglibatan remaja perempuan dengan aktiviti seks sangat berisiko mengundang kepada kehamilan luar nikah di samping jangkitan HIV/AIDS dan jangkitan seksual yang lain. Artikel ini bertujuan untuk memahami perkembangan seks remaja, pengaruh perkembangan sehingga berlakunya kehamilan dan mencadangkan intervensi keluarga yang boleh digunapakai oleh mereka yang terlibat dalam profesion pertolongan. Metod kajian yang digunakan adalah kajian perpustakaan. Artikel konseptual ini juga melibatkan asas intervensi iaitu pendekatan sistem teori, intervensi krisis, dan penyelesaian masalah yang boleh dilaksanakan ke atas keluarga yang sedang dibelenggu masalah kehamilan remaja. Mohd Suhaimi Muhamad et al. pula mengupas manifestasi penjagaan keluarga: tekanan psikologikal dalam menjaga pesakit mental. Penjaga keluarga memainkan peranan penting dalam penjagaan pesakit mental dalam komuniti. Keadaan ini memberi cabaran kepada penjaga keluarga di Malaysia apabila harus berhadapan dengan kesan langsung dan tidak langsung yang wujud dari penyakit mental. Artikel ini bertujuan membincangkan tentang peranan penjagaan dan kesan psikologikal penjaga keluarga yang menjaga pesakit mental dalam komuniti. Hasil kajian mendapati bahawa Terdapat enam jenis emosi yang diekspresikan oleh penjaga keluarga seperti kerisauan, tekanan, hilang harapan, rasa kehilangan, malu dan rasa bersalah. Penjaga keluarga turut mengalami kesan-kesan psikososial seperti masalah kewangan,

kesan ke atas keluarga, gangguan aktiviti sosial, masalah kesihatan fizikal dan keperluan sokongan. Penjagaan pesakit mental di rumah turut menyebabkan penjaga berhadapan dengan stigma sosial yang wujud dalam komuniti yang berkait rapat dengan penyakit mental.

Tema kedua pula dibincangkan mengenai pembangunan akademik dan sahsiah pelajar atau remaja. Dalam tema ini juga membincangkan isu sosio-politikal dan keusahawanan dalam kalangan masyarakat. Khadijah Alavi et al. membincangkan kecerdasan emosi dan emosi guru cemerlang pendidikan Islam dalam meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar. Cabaran utama guru pendidikan Islam ialah motivasi pelajar melalui sentuhan rohani dan emosi. Guru pendidikan Islam perlu menekankan kemahiran kecerdasan emosi dan sosial supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan lebih berkesan, lancar dan dapat menarik minat pelajar serta meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar. Nik Hairi Omar, et al. mengupas pengujian model gaya keibubapaan Baumrind ke atas pencapaian akademik pelajar sekolah. Artikel ini bertujuan menguji sejauhmana model Baumrind dapat diterima sebagai model asuhan yang deduktif dan universal seperti didakwa. Tiga objektif artikel ialah (i) mengenal pasti jenis gaya keibubapaan, perbezaan dan tahap pengamalan, (ii) menguji kesignifikanan perhubungan antara gaya keibubapaan dengan pencapaian akademik, dan (iii) menentukan pengaruh faktor sosio-demografi terpilih selaku ‘confound variables’ ke atas perhubungan gaya keibubapaan dengan pencapaian akademik. Berdasarkan penemuan, kajian menolak penggunaan model Baumrind sebagai sebuah model asuhan yang deduktif dan sejagat sebaliknya dirumuskan bahawa tinggi atau rendah pencapaian akademik pelajar tidak dipengaruhi jenis gaya keibubapaan yang diamalkan semata-mata. Kajian mengesyorkan supaya pengujian model Baumrind pada masa hadapan menggunakan pendekatan yang berbeza seperti model persamaan structural (SEM) selain mengambil kira pengaruh elemen lain yang diabaikan seperti IQ, EQ dan persekitaran sekolah. Chong S.T. et al. mengupas artikel mengenai motivasi diri dan dorongan ibu bapa terhadap minat akademik remaja. Artikel ini bertujuan untuk mengukur faktor motivasi diri dan dorongan ibu bapa terhadap minat akademik belia di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Dalam, Kuala Lumpur. Artikel ini mendapati bahawa motivasi diri adalah faktor utama diikuti dengan sokongan ibu bapa yang juga memberi kesan positif kepada minat terhadap akademik pelajar. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa untuk berjaya dalam bidang akademik, belia perlu mempunyai kesedaran tentang kepentingan faktor dalaman diri, di samping mendapat bimbingan dan galakan daripada ibu bapa. Fauziah, et al. membincangkan tajuk, memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja: ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. Artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan agama dalam kalangan remaja yang terlibat dengan masalah tingkah laku yang menyalahi undang-undang negara dan kini sedang ditahan untuk rawatan pemulihan akhlak di tiga buah sekolah pemulihan akhlak terpilih di Malaysia. Dapatan kajian mendapati majoriti remaja bermasalah akhlak yang terlibat dalam kajian ini mempunyai tahap pengetahuan keagamaan pada tahap sederhana. Hasil kajian seterusnya dilihat mampu memberi sumbangan yang signifikan ke arah usaha membantu negara untuk mencari formula yang lebih strategik bagi tujuan memulihkan dan seterusnya memperkasakan sahsiah remaja dari segi akhlak dan moralnya berasaskan nilai-nilai keagamaan. Azmi Abdul Manaf, et al. pula menghuraikan faktor-faktor kritikal kejayaan usahawan dalam perniagaan. Tiga perkara yang dianalisis berkaitan keusahawanan, iaitu, faktor yang mempengaruhi penglibatan usahawan dalam perniagaan, tahap keuntungan yang diperoleh dan faktor kritikal bagi kejayaan usahawan dalam perniagaan

diceburi. Penganalisisan data menunjukkan faktor utama mempengaruhi penglibatan usahawan dalam perniagaan ialah keinginan mencapai kebebasan dan kepuasan, disusuli pelbagai faktor lain seperti membantu menyara keluarga, ingin kaya, cita-cita, ingin berdikari dan tidak suka bekerja makan gaji. Majoriti usahawan yang dikaji dapat digolongkan sebagai usahawan berjaya berdasarkan keuntungan perniagaan dan keupayaan usahawan mengecap keuntungan perniagaan selama lebih dari tiga tahun. Kajian menyarankan keempat-empat faktor ini diberi penekanan oleh agensi yang melatih usahawan bagi memastikan bilangan usahawan berjaya dapat ditingkatkan. Nik Hairi Omar, et al. mengupas integriti dari perspektif pengaduan awam: kajian kes di jabatan pengangkutan jalan (JPJ) Malaysia. Peningkatan pengaduan awam secara teknikal menunjukkan kemerosotan tahap integriti khasnya apabila pengaduan yang direkod dan disiasat mempunyai merit. Artikel ini membincangkan integriti penjawat awam di JPJ berdasarkan rekod-rekod pengaduan yang diterima agensi dari tahun 2008-2011. Bagi mengurangkan aduan dan menambahbaik integriti perkhidmatan, beberapa cadangan telah dikemukakan seperti pembaharuan pelan strategik JPJ, penambahbaikan amalan pengurusan sumber manusia, pemantapan sistem ICT dan prosedur kerja, sistem pengurusan aduan bersepadu serta langkah-langkah pemantauan dan pengujian integriti berterusan. Artikel terakhir, Nik Hairi Omar, et al. mendiskusikan mengenai liberalisasi pelaburan asing di Malaysia: masih rigid atau cukup liberal? Artikel ini meneliti sejauhmana pendekatan FDI di Malaysia dipraktik secara liberal atau rigid berdasarkan penilaian syarikat multinasional (MNC) ke atas tujuh pemboleh ubah: syarat masuk, insentif percukaian, perburuhan dan perhubungan perusahaan, tadbir urus, ekonomi domestik, sofistifikasi sistem kewangan dan penyertaan antarabangsa. Daripada keseluruhan tujuh praktik pelaburan yang dikaji, tiga mendapat penilaian yang liberal dan empat adalah rigid. Dari perspektif pelabur, artikel merumuskan bahawa walaupun dasar FDI di Malaysia telah semakin liberal, namun praktik pendekatan FDI masih perlu diperbaiki. Aspek yang memerlukan banyak penambahbaikan ialah prosedur pelaksanaan insentif percukaian dan tadbir-urus pelaburan sementara aspek yang memerlukan sedikit penambahbaikan ialah praktik perhubungan perusahaan serta penyertaan antarabangsa.

Kejayaan dalam menerbitkan artikel dalam keluaran khas Jurnal e-Bangi 2012 adalah hasil sokongan dan kerja berpasukan staf akademik PPPPM. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusian, Profesor Dr. Hazita Azman dan Pengerusi Pusat Psikologi dan Pembangunan Manusia (PPPPM), Prof. Madya Dr. Fatimah Omar serta Mantan Pengerusi PPPPM, Prof. Madya Dr. Mustaffa Omar yang telah memotivasikan semua staf akademik PPPPM dalam usaha penyelidikan dan penerbitan artikel jurnal diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Penerbitan artikel keluaran khas Jurnal e-Bangi 2012 tidak lengkap tanpa ketua editor Jurnal e-Bangi, Profesor Dr. Ekhwan Toriman yang sentiasa memberi sokongan padu kepada AJK editor. Kami ingin mendahului ucapan ribuan terima kasih kepada beliau.

Rumusan

Artikel ini juga adalah hasil himpunan penyelidikan dan penulisan para cendekiawan akademik PPPPM dalam bidang masing-masing yang boleh dianggap sebagai satu sumbangan bagi skopus ilmu akademik. Kami selaku AJK editor ingin mengucapkan terima kasih kepada semua penyumbang artikel untuk diterbitkan dalam keluaran khas Jurnal e-Bangi 2012. Kami berdoa

agar kerjasama, usahapadu dan kerja berpasukan ini akan terus terjalin agar dapat merealisasikan lonjakan sebutan penerbitan FSSK dengan lebih cemerlang dan terbilang masa depan.

Dr. Khadijah Alavi
Ketua Editor (Ad-Hoc, BM)
Mac 2012